

SYARAT-SYARAT KHAS PERMIT IKLAN PILIHANRAYA

1. KADAR BAYARAN DEPOSIT

- | | | | |
|------|-------------------------------------|---|-----------|
| 1.1. | Bagi setiap Dewan Rakyat / Parlimen | - | RM2000.00 |
| 1.2. | Bagi setiap Dewan Undangan Negeri | - | RM1000.00 |

2. TEMPOH KUATKUASA

- 2.1. Sepanjang tempoh berkempen sehingga 14 hari selepas hari mengundi.

3. PENGALIHAN IKLAN

- 3.1. Dalam masa 14 hari selepas hari mengundi.

4. PELUCUTHAKKAN DEPOSIT

- 4.1. Jika terdapat pelanggaran apa-apa syarat permit.
4.2. Jika terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah undang-undang kecil.

5. PEMULANGAN DEPOSIT

- 5.1. Selepas 14 hari dari tarikh tamat permit.

6. SYARAT-SYARAT MEMPAMERKAN IKLAN PILIHANRAYA

- 6.1. Dilekatkan pada satu papan tanda atau struktur lain yang didirikan atau diletakkan oleh pemegang permit.
6.2. Menggantung iklan sepanjang mana-mana lebuh pada pancang yang didirikan oleh pemegang permit.
6.3. Menanam penopeng atau pancang ke dalam mana-mana paras tanah selain laluan jalan kaki yang diubinkan atau kaki lima.
6.4. Mematuhi semua undang-undang bertulis lain termasuk (tetapi tidak terhad kepada) undang-undang berkaitan pilihanraya.
6.5. Apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya; atau
6.6. Apa-apa syarat lain yang akan dinyatakan dari masa ke semasa.

7. LARANGAN MEMPAMERKAN IKLAN PILIHANRAYA

- 7.1. Meliputi atau melindungi apa-apa isyarat lalu lintas, tanda arahan, lampu jalan atau lampu perhiasan.
7.2. Merintangi mana-mana lebuh.
7.3. Dilekatkan menggunakan paku, gam, pelekat atau apa-apa cara lain yang merosakkan atau mencacatkan permukaan bangunan atau struktur.
7.4. Dipamerkan di mana-mana sekolah, masjid, balai /pondok polis, mana-mana bangunan kerajaan atau apa-apa struktur milik kerajaan.
7.5. Meliputi atau melindungi papan tanda arah dan papan tanda nama jalan, taman atau bangunan.
7.6. Dipamerkan dalam mana-mana kawasan larangan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya; dan
7.7. Apa-apa larangan lain yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.